Noorliyana Yasira bte Mohd Noor lwn Menteri Pendidikan Malaysia dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — SEMAKAN KEHAKIMAN NO 25–17 TAHUN 2004
VT SINGHAM H
29 MARCH 2007

Perlembagaan Undang-Undang — Kebebasan asasi — Kebebasan beragama — Sama ada pelajaran agama diwajibkan ke atas pelajar Muslim — Sama ada pelajar Muslim yang memilih untuk tidak menduduki pelajaran agama (gagal) matapelajaran wajib tersebut

Pemohon sekeluarga menganuti agama Islam. Pemohon seorang pelajar dan telah menghadiri kelas agama Islam di sekolah rendah jenis kebangsaan (SRJK) Cina. Bapa pemohon telah meminta agar pemohon dikecualikan dari menghadiri kelas agama Islam di sekolah dan pemohon, ketika darjah empat dan lima tidak lagi menghadiri kelas agama Islam dan tidak dinilai dalam subjek teras Perkara Asas Fardhu Ain ('PAFA'). Sebaliknya pemohon telah hadiri kelas moral. Pemohon telah bertukar sekolah dalam darjah enam. Ibubapa pemohon meminta agar pemohon terus dikecualikan dari menghadiri kelas pengajian agama Islam. Surat rasmi dari ibubapa pemohon diterima oleh Guru Besar dan dirujuk kepada pegawai pendidikan. Suatu mesyurat telah diadakan, dihadiri ibubapa pemohon, pihak sekolah dan wakil Lembaga Peperiksaan. Keputusan UPSR pemohon telah dikeluarkan, dengan catatan 'Perkara Asas Fardhu Ain — Gagal' pada kertas kenyataan keputusan UPSR pemohon. Pemohon, melalui bapa dan sahabat wakilnya, telah memfailkan permohonan ini untuk semakan kehakiman, meminta certiorari agar catatan 'PAFA — Gagal' tersebut dibatalkan dari rekod dan kertas kenyataan keputusan UPSR pemohon dan mandamus agar satu kertas kenyataan keputusan yang baru tanpa catatan tersebut diisukan kepada pemohon. Pemohon mendakwa adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Peperiksaan untuk memastikan pemohon disediakan untuk sebarang ujian sekolah. PAFA tidak termasuk dalam maksud kenyataan keputusan yang membawa maksud suatu kenyataan keputusan peperiksaan bagi setiap subjek yang diambil oleh calon dan menunjukkan pencapaiannya. Memandangkan PAFA berdasarkan kepada penilaian dan bukannya sebarang skrip jawapan calon, catatan 'lulus' atau 'gagal' tidak seharusnya dicatatkan kerana ianya tidak termasuk dalam definasi kenyataan keputusan.

Diputuskan, menolak permohonan itu:

(1) Persoalan utama yang harus diputuskan adalah sama ada Lembaga Peperiksaan telah bertindak di luar bidang kuasa atau/dan tanpa bidang kuasa yang diperuntukkan kepadanya dalam mengisukan catatan 'PAFA — Gagal' itu.

PAFA yang termasuk dalam sukatan subjek pengajian agama Islam, keputusan dibuat berdasarkan ke atas penilaian seseorang murid dan bukan melalui peperiksaan atau ujian dalam peperiksaan seperti yang diambil di dalam dewan peperiksaan. Sebarang Akta harus dibaca dan diteliti secara keseluruhan untuk mendapatkan maksud dan tafsiran yang boleh diberi kepada sebarang peruntukan di dalam Akta tersebut dan harus dibaca bersama-sama dengan peraturan-peraturan sewajarnya. Salah satu fungsi Lembaga Peperiksaan adalah untuk menganalisa penilaian yang dibuat oleh pihak sekolah (lihat perenggan 5–6 & 16).

(2) Pemohon mengakui bahawa sebab sebenar permohonan dikecualikan menghadiri kelas pengajian agama Islam termasuk PAFA dibuat adalah kerana ajaran di kelas pengajian agama Islam di sekolah bertentangan dengan kepercayaan dan kefahaman bapa pemohon sekeluarga. Subjek teras (core subject) dalam kurikulum kebangsaan merupakan asas penting bagi pendidikan seseorang murid di semua sekolah di bawah sistem pembelajaran kebangsaan bagi murid-murid yang menganuti agama Islam dan salah satu subjek teras adalah pengajian agama Islam yang termasuk PAFA. Berdasarkan perkara tersebut, mahkamah ini tidak harus masuk campur tentang perkara yang melibatkan kurikulum kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan (lihat perenggan 7 & 11).

(3) Perbincangan atau pengaduan tentang apa yang tidak menyenangkan tentang kelakuan pendidik atau tenaga pelajar di sekolah-sekolah tertentu harus dibawa kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab agar perkara itu dapat disiasat dan bukannya mengelakkan diri dari menghadiri kelas dalam sebarang subjek teras. Pemohon sendiri telah memilih untuk belajar di sekolah awam, maka pemohon harus bersedia untuk terikat dengan peraturan dan kurikulum yang dilaksanakan di sekolah tersebut. Pemohon terikat dengan bidang kuasa sekolah-sekolah tersebut dan sukatan subjek teras yang diajar. Pemohon harus mengikuti peraturan dan menghadiri kelas bagi subjek-subjek di mana ianya adalah matapelajaran dan subjek teras (lihat perenggan 8–9).

(4) Pemohon sebagai seorang pelajar yang mendaftar dengan sekolah awam terikat dengan sukatan matapelajaran, subjek teras dan dasar kurikulum nasional yang dilaksanakan di sekolah awam tersebut. Pemohon tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengatur (dictate) apakah matapelajaran atau subjek teras yang ingin dipelajari oleh beliau dan apakah matapelajaran atau subjek teras yang tidak ingin dipelajari oleh beliau (lihat perenggan 11); *Meor Atiqulrahman bin Ishak (an infant, by his guardian ad litem, Syed Ahmad Johari bin Syed Mohd) & Ors v Fatimah bte Sihi & Ors* [2006] 4 MLJ 605 diikut.

(5) Keputusan sesuatu peperiksaan tidak semestinya berdasarkan skrip jawapan semata-mata sahaja, ianya boleh juga diambil dari penilaian ke atas seseorang murid termasuk pemohon sendiri. Definasi keputusan peperiksaan menyatakan bahawa keputusan yang dibuat ke atas pencapaian seseorang murid adalah secara keseluruhan pencapaian murid dalam peperiksaan di mana kesimpulan dibuat dari skrip jawapan atau di atas sebahagian pencapaian murid di dalam peperiksaan (lihat perenggan 17).

[English summary

The applicant and family professed the religion of Islam. The applicant was a student and had attended Islamic religious classes in a Chinese primary school (SRJK). The applicant's father requested that the applicant be exempted from attending the Islamic religious classes in school. The applicant, whilst in standard four and five did not attend religious Islamic classes and was not assessed for the core subject Perkara Asas Fardhu Ain ('PAFA'). Instead the applicant attended moral classes. The applicant then moved to another school in standard six. The applicant's parents requested that she continued to be exempted from attending religious classes. A formal letter from her parents was accepted by the Headmaster and was referred to the education officer. A meeting was set up, attended by the applicant's parents, the school and the representative of the Board of Education. When the applicant's UPSR results were out, it stated 'Perkara Asas Fardhu Ain — Gagal' on the applicant's UPSR result slip. The applicant, through her father and the representative's friend, had filed this application for judicial review, prayed for certiorari that the statement 'PAFA — Gagal' be deleted from the record and the applicant's UPSR statement of result slip and mandamus that a new statement of result slip without the said statement be issued to the applicant. The applicant claimed that it was the responsibility of the Board of Education to ensure that the applicant be prepared for any school examination. PAFA was not included in the definition of the statement of result which meant a statement of the examination result for each subject taken by the candidate and showed the candidate's achievement. As PAFA was based on the assessment and not any examination script of the candidate, the entry 'lulus' or 'gagal' was not supposed to be stated as it did not include in the definition of a statement of result.

Held, dismissing the application:

(1) The main issue which needed to be determined was whether the Examination Board had acted outside its jurisdiction or/and without jurisdiction vested in them to issue the 'PAFA — Gagal' entry. PAFA which was included in the Islamic studies subject syllabus, the result was made based on the assessment of a student' and not by examination or a test in an examination as held in the examination hall. Any Act should be read as a whole to obtain the meaning and definition that can be given to any provision in the Act and should be read together with the rules accordingly. One of the function of the Examination Board is to analyse the assessment made by the school (see paras 5–6 & 16).

(2) The applicant admitted that the real reason for the application for exemption in attending the religious studies classes including PAFA was made as the teachings in the religious class in school contradicted with the belief and understanding of the applicant's father and family. The core subject in the national curriculum was fundamental in a student's education in every school under the national education system for students who professed the religion of Islam and one of the core subjects was the Islamic studies which included PAFA. Based on this, the court should not interfere with a matter involving the national curriculum set by the Education Ministry (see paras 7 & 11).

(3) The discussion or complaint with regards to the behaviour of the tutor or educator in certain schools should be brought to the attention of the respective responsible parties to decide the matter and not to avoid from attending class in any of the core subjects. The applicant herself had chosen to study in a public school, thus she should be prepared to be bound by such rules and curriculum set in the school. The applicant was bound by the jurisdiction of the schools and the core subject syllabus taught. The applicant should abide by the rules and attend classes for subjects which were subjects and core subjects (see paras 8–9).

(4) The applicant as a student who had registered in a public school was bound by the subject syllabus, core subject and national curriculum system taught in public schools. The applicant could not dictate what subjects or core subjects she wished to learn and what subjects or core subjects she did not intend to learn (see para 11); *Meor Atiqulrahman bin Ishak (an infant, by his guardian ad litem, Syed Ahmad Johari bin Syed Mohd) & Ors v Fatimah bte Sihi & Ors* [2006] 4 MLJ 605 followed.

(5) The result of an examination should not necessarily be based on the answer script only, it can also be taken from the assessment of a student including the applicant herself. The definition of an examination result states that the result made based on the achievement of a student was an overall achievement of the student in the examination in which the decision was made from the answer script or on the student's achievement in the examination (see para 17).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kebebasan beragama, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1790–1800.

Kes-kes yang dirujuk

Meor Atiqulrahman bin Ishak (an infant, by his guardian ad litem, Syed Ahmad Johari bin Syed Mohd) & Ors v Fatimah bte Sihi & Ors [2006] 4 MLJ 605 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pendidikan 1996 ss 3(2), 8, 18(2)
Education (National Curriculum) Regulations 1997 reg 3(2)(a)
Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 s 3(a)

Haris bin Mohamed Ibrahim (Haris & Co) bagi pihak pemohon.
Azizah bte Hj Nawawi (Peguam Kanan Persekutuan) bagi pihak responden-responden.

VT Singham H:

[1] Ini merupakan suatu permohonan oleh pemohon (seorang kanak-kanak yang belum dewasa menuntut melalui bapa dan sahabat wakilnya) di lampiran 1 untuk semakan kehakiman (judicial review) terhadap responden pertama (Menteri Pendidikan Malaysia), responden kedua (Lembaga Peperiksaan Malaysia) dan responden ketiga (Pengarah Pendidikan Negeri Perak). Pemohon telah memohon kepada mahkamah ini untuk membatalkan melalui certiorari catatan 'Perkara Asas

Fardhu Ain — GAGAL' (catatan tersebut) di dalam kertas kenyataan keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah ('UPSR') pemohon serta membatalkan catatan tersebut dari rekod Responden Kedua. Pemohon juga memohon agar mahkamah ini memerintahkan melalui mandamus agar responden kedua mengisukan satu kertas kenyataan UPSR yang tidak mengandungi catatan PAFA — GAGAL kepada pemohon.

[2] Di dalam kes ini, pemohon sekeluarga bersama ibubapa dan dua orang adik-beradik yang lain menganuti agama Islam. Pemohon merupakan seorang pelajar di sebuah sekolah awam. Semasa pemohon belajar di darjah 4 hingga 6, pemohon telah bersekolah di dua buah sekolah awam dan sepanjang tempoh persekolahan tersebut, atas permintaan bapa pemohon, pemohon telah berhenti dari menghadiri kelas pengajian agama Islam yang diajar di sekolah. Pemohon juga sejak dari darjah 4 hingga darjah 6 telah tidak dinilai dalam subjek teras (core subject) iaitu pengajian agama Islam. Sebaliknya, pemohon telah menghadiri kelas bimbingan moral. Pada tahun 2003, pemohon telah menduduki peperiksaan UPSR dan apabila keputusan dikeluarkan, terdapat catatan 'Perkara Asas Fardhu Ain ('PAFA') — GAGAL' di dalam kertas kenyataan keputusan UPSR pemohon. Semua fakta-fakta dan latarbelakang kes ini serta ketidakpuasan hati (dissatisfaction) pemohon dan ibubapa pemohon terkandung dalam afidavit sokongan di lampiran 3.

[3] Dalam kes ini, pemohon telah melalui peguamcaranya di ekshibit MN-8 di lampiran 3 memohon kepada responden ketiga agar catatan tersebut dibatalkan dari rekod responden ketiga dan catatan tersebut dibatalkan dari kertas keputusan tersebut. Pemohon juga telah melalui surat tersebut memohon kepada responden ketiga agar satu kertas keputusan peperiksaan yang baru tanpa apa-apa catatan tersebut diisukan kepada beliau untuk perkara PAFA. Oleh itu, pemohon memohon kepada mahkamah ini untuk perintah seperti yang dinyatakan di atas terhadap responden-responden.

[4] Untuk kemudahan dan gambaran yang lebih jelas, kronologi peristiwa adalah seperti berikut:

TARIKH/TAHUN	PERKARA	LAMPIRAN
1. 1998	Pemohon bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Gunung Rapat dalam darjah satu dan menghadiri kelas agama Islam.	
2. 1999	Pemohon bertukar sekolah dan bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Bukit Beruntung, Rawang dalam darjah dua.	

3. 2000	Pemohon kembali belajar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Gunung Rapat dalam darjah tiga dan menghadiri kelas agama.	
4. 12.7.00 dan 6.11.00	Surat daripada bapa pemohon meminta agar pemohon dikecualikan dari menghadiri kelas agama Islam di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Gunung Rapat.	Lamp12., ekshibit HMY1-HMY-2.
5. 2001-2002	Semasa di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Gunung Rapat, pemohon ketika darjah empat dan lima tidak lagi menghadiri kelas agama Islam.	Lamp.3, ekshibit MN-2 MN-3
6. 2003	Pemohon bertukar ke sekolah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Ave Maria, Ipoh dalam darjah enam.	
7. 6.2.03	Bapa pemohon bersama ibu pemohon berjumpa dengan penolong kanan dan meminta agar pemohon dikecualikan dari menghadiri kelas agama Islam di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Ave Maria.	Lamp.12, ekshibit MCL-1
8. 10.2.03	Bapa pemohon bertemu dengan Guru Besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Ave Maria. Bapa pemohon telah diminta menulis surat rasmi tentang permohonan bapa pemohon agar pemohon dikecualikan dari menghadiri kelas pengajian agama Islam	
9. 12.2.03	Surat rasmi dari bapa pemohon diterima oleh SRJK Ave Maria.	Lamp.3, ekshibit MN-4

10. 14.2.03	Guru Besar SRJK Ave Maria telah merujuk surat dari bapa pemohon kepada Pegawai pendidikan.	Lamp.12, MCL-2.
11. 17.2.03	Surat bertarikh 17.2.03 meminta bapa pemohon hadir untuk mesyuarat. Mesyuarat diadakan di SRJK Ave Maria dan dihadiri oleh ibubapa pemohon,pihak sekolah dan wakil Responden Kedua, Tuan Haji Muridun.	Lamp.12, ekshibit HMY-6.
12. 19.2.03	Guru besar SRJK Ave Maria menulis kepada Pengarah Pendidikan Negeri Perak tentang keputusan perbincangan tersebut.	Lamp.12, MCL-4.
13. Sekitar 21.11.03	Keputusan UPSR pemohon dikeluarkan dan terdapat catatan 'Perkara Asas Fardhu Ain-GAGAL' pada kertas kenyataan keputusan UPSR pemohon.	Lamp.3, MN-6.
14. 3.12.03	Perjumpaan di antara bapa pemohon, seorang yang bernama Sazali dan wakil Responden Kedua, di mana bapa pemohon telah membangkitkan isu catatan tersebut.	
15. 8.12.03	Wakil Responden Kedua telah menulis surat kepada bapa pemohon menerang- kan tentang catatan tersebut.	Lamp.3, MN-7

16. 23.12.03	Bapa pemohon meminta peguamcara pemohon menulis surat agar tindakan sewajarnya diambil bagi membatalkan catatan tersebut dari rekod Responden Kedua dan dari kertas kenyataan keputusan UPSR. Seterusnya bapa pemohon juga meminta satu kertas kenyataan keputusan yang baru tanpa catatan tersebut diisukan kepada pemohon.	Lamp.3, MN-8.
17. 26.1.04	Responden Kedua hanya membalas surat pemohon tetapi tiada langkah atau tindakan diambil seperti yang dipohon oleh pemohon.	Lamp.15, ekshibit MN-9.
18. 7.9.04	Di atas sebab-sebab tersebut, pemohon telah memfailkan permohonan untuk Semakan Kehakiman pada 7.9.04 di Mahkamah Tinggi Ipoh.	Lamp.1.

Di antara hujahan-hujahan oleh kedua-dua pihak, hujahan-hujahan secara ringkas adalah seperti berikut:

HUJAHAN BAGI PEMOHON

(i) Dihujahkan bahawa oleh kerana pemohon telah berhenti dari menghadiri kelas agama Islam di sekolah sejak tahun 4 hingga 6, maka pemohon tidak pernah disediakan untuk peperiksaan agama Islam dan juga PAFA. Adalah tanggungjawab Responden Kedua untuk memastikan pemohon disediakan untuk ujian tersebut. Kegagalan Responden Kedua berbuat demikian telah menyebabkan pemohon gagal dalam penilaian PAFA.

Seksyen 19 Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan seperti berikut:

> 19. Schools to prepare pupils for prescribed examination.
>
> Every school shall prepare its pupils for examinations prescribed by or under this Act or any regulations made under this Act unless otherwise exempted by or under this Act.

(a) PAFA TIDAK TERMASUK DALAM definasi 'STATEMENT OF RESULT'.

(ii) Salah satu fungsi pengarah peperiksaan adalah untuk mengisukan keputusan peperiksaan dan kertas kenyataan keputusan. Rujuk Peraturan 4(d) di Bahagian II (bagi Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) Peraturan-Peraturan 1997.Kenyataan keputusan telah didefinasikan sebagai berikut:

> statement of result' means a statement of the examination result or test result for each subject taken by the candidate which specifies the achievement of the candidate and which is issued by the Examinations Syndicate to the candidate.

Manakala keputusan peperiksaan pula didefinasikan sebagai:

> the determination made on the achievement of a candidate on the whole or part of the achievement of the candidate in an examination in accordance with the standard determined by the Examinations Syndicate and which is concluded from the examination of the candidate's answer script.

(iii) Adalah dihujahkan oleh pemohon bahawa oleh kerana PAFA adalah berdasarkan kepada penilaian dan bukannya berdasarkan skrip jawapan calon, catatan LULUS atau GAGAL tidak seharusnya dicatatkan kerana ianya tidak termasuk dalam definasi 'statement of result'. Oleh itu, Responden Kedua telah bertindak di luar bidang kuasa.

(b) PEMOHON TIDAK MEMBAYAR YURAN PAFA, OLEH ITU SUBJEK PENGAJIAN AGAMA ISLAM TIDAK DIAMBIL OLEH PEMOHON.

(iv) Adalah hujahan bagi pemohon bahawa definasi 'statement of result' antara lain menyatakan pencapaian calon dinilai berdasarkan subjek yang diambil calon. Oleh kerana pemohon tidak menghadiri kelas agama Islam dan tidak membayar sebarang yuran, maka pemohon tidak mengambil subjek pendidikan agama Islam dan catatan tersebut tidak termasuk dalam definasi 'statement of result'. Dengan demikian, catatan tersebut seharusnya dibatalkan.

(v) Kegagalan Responden Kedua untuk memahami dan ketidakpatuhan kepada peruntukan undang-undang oleh Responden Kedua telah menjadikan keputusan yang dibuat oleh Responden Kedua melampaui bidang kuasa Responden Kedua.

(vi) Tiada kenyataan, sama ada tandatangan Pengarah Peperiksaan pada surat pekeliling-pekeliling seperti yang diekshibitkan di ekshibit HMY-4 dan HMY-5 di Lampiran 12 telah ditandatangani untuk dan bagi pihak Menteri. Oleh kerana itu, surat pekeliling-pekeliling tersebut adalah ultra vires dan tidak sah.

HUJAHAN BAGI RESPONDEN

(i) (1) Berdasarkan S.18 (2) Akta Pendidikan 1996, subjek pengajian agama Islam merupakan subjek teras(core subject) dan pemohon sebagai seorang murid yang beragama Islam tidak boleh dikecualikan dari mempelajari pengajian agama Islam. Seksyen 18(2) Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan seperti berikut:

18. National Curriculum to be used by all schools.

(1) The Minister shall prescribe a curriculum to be known as the National Curriculum which, subject to subsection (3), shall be used by all schools in the National Education System.

(2) The National Curriculum prescribed under subsection (1) shall specify the knowledge, skills and values that are expected to be acquired to pupils at the end of their respective periods of schooling and shall *include the core subjects as set out in the Schedule* and such other subjects as may be prescribed.

(3) In the case of private schools, subsection (1) shall be deemed to have been complied with if the core subjects of National Curriculum as set out in the Schedule are taught in the schools.

(4) The Minister may from time to time by order published in the Gazette add to, amend or alter the Schedule.

SCHEDULE

Subsection 18(2)]

CORE SUBJECTS IN THE NATIONAL CURRICULUM

1 Core subjects in the National Curriculum.

The core subjects in the National Curriculum shall form the fundamental basis of the education of a pupil in all schools within the National Education System.

2 Core subjects at the primary level.

The core subjects at the primary school level shall be —

(a) the National Language;

(b) the English Language;

(c) the Chinese Language, for pupils in national-type schools (Chinese);

(d) the Tamil Language, for pupils in national-type schools (Tamil);

(e) Mathematics;

(f) Science;

(g) Local Studies;

(h) *Islamic Education, for pupils professing the religion of Islam*; and

(i) Moral Education, for pupils not professing the religion of Islam.

EDUCATION (NATIONAL CURRICULUM)

REGULATIONS 1997

3 National Curriculum.

(1) The National Curriculum is an educational programme that includes curriculum and co-curricular activities which encompasses all the knowledge, skills, norms, values, cultural elements and beliefs to help develop a pupil fully with respect to the physical, spiritual, mental and emotional aspects as well as to inculcate and develop desirable moral values and to transmit knowledge.

(2) The curriculum for government and government-aided schools will comprise of the following subjects:

(a) the core subjects stated in Schedules 1 and 5;

(b) the compulsory subjects stated in Schedules 2, 6 and 7;

(c) the additional subjects stated in Schedules 3 and 8;

(d) the elective subjects stated in Schedule 9;

(e) the subjects for a transition class stated in Schedule 4; and

(f) the subjects for the Malaysia Higher School Certificate level or Form Six stated in Schedule 10.

(3) Co-curricular activities in government and government-aided schools will comprise of the following:

(a) participation in sports and games;

(b) participation in societies and clubs;

(c) participation in uniformed bodies; and

(d) such other activities as determined by the Minister.

(4) The weekly minimum period allocation for the subjects taught under the curriculum for government and government-aided schools in sub regulation (2) are stated in Schedules 11 to 15.

(c) Seksyen 67(1) Akta Pendidikan memperuntukkan seperti berikut:

67. Assessment of pupils.

(1) *The Minister may prescribe the manner in which pupils in primary and secondary schools shall be assessed* and the standards to be achieved by the pupils.

(2) *The assessment* prescribed under subsection (1) *shall be in addition to any prescribed examination.*

(Penekanan ditambah.)

(ii) Berdasarkan kepada S.67 (1) Akta Pendidikan 1996, Menteri Pelajaran boleh memutuskan cara bagaimana murid di peringkat menengah rendah dan tinggi dinilai dan penilaian PAFA dibuat berdasarkan pekeliling ikhtisas bil.4/94 pada 12.3.94 dan 17/02 bertarikh 3.12.02 iaitu ekshibit HMY-4 dan HMY-5 di Lampiran 12. Pekeliling-pekeliling tersebut adalah seperti berikut:

Pekeliling Ikhtisas bil.4/94:

Semua Pengarah Pendidikan,

Jabatan Pendidikan Negeri

Tuan,

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/91

Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA)

Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR),

Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.(SPM)

Surat pekeliling Ikhtisas ini adalah untuk memaklumkan bahawa Perkara Asas Fardhu Ain akan dinilai dan dilaporkan dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai Sesi 1994/95.

2. Yang dimaksudkan dengan Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) ialah: Beberapa perkara yang terpenting daripada Fardhu Ain, yang terkandung dalam Sukatan pelajaran Pendidikan Islam, yang hendak dipastikan supaya tiap-tiap murid/pelajar benar-benar mengetahui, memahami dan boleh mengamalkannya dengan cara yang betul dan sempurna sebagaimana yang ditetapkan oleh Syara'. Dalam aspek penilaian, murid/pelajar dapat mencapai kefahaman yang betul dan boleh mengamalkannya sekira-kira 'sah' pada tahap yang paling asas dan minimum. Perkara Asas Fardhu Ain tersebut adalah seperti berikut:

2.1 Bagi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) ialah:

(2.1)Mengucap Dua Kalimah Syahadah

(2.2)Rukun Iman

(2.3)Rukun Islam

(2.1)Beristinjak

(2.2)Membersihkan diri, pakaian dan tempat daripada najis

(2.3)Berwuduk

(2.1)Mandi wajib

(2.2)Solat Fardhu, termasuk Azan, iqamah, menjawab Azan dan Iqamah, serta Doa selepas Azan dan Iqamah

(2.3)Puasa: Dalam aspek niat, perkara-perkara yang membatalkan puasa dan hikmat

(2.1)Adab terhadap ibu bapa

(2.2)Ihsan

2.2 Bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) adalah seperti yang tersebut dalam para 2.1 di atas, dan ditambah dengan:

(l) Bertayammum

(m) Solat Jenazah

2.3 Bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.(SPM) adalah sama seperti yang tersebut dalam para 2.1 dan 2.2 di atas, dan ditambah dengan:

(n) Perkahwinan: Dalam aspek Rukun dan Syarat akad nikah, hikmat, tanggungjawab, perceraian dan pemeliharaan anak.

3. Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain ini dijalankan seperti berikut:

3.1 Penilaian dikendalikan sepenuhnya oleh sekolah.

3.2 Soalan penilaian telah ditetapkan, dan calon diberitahu lebih awal, dan tidak ada kerahsiaan

3.3 Penilaian dijalankan secara lisan dan amali

3.4 Tempoh penilaian bermula dari hari pertama penggal pada penggal pertama persekolahan dalam tahun berkenaan, dan berakhir sebulan sebelum tarikh peperiksaan bertulis dijalankan.

3.5 Pelajar diberikan masa, peluang dan bimbingan yang secukupnya untuk memperbetul dan memperbaiki kesalahan dan kelemahan, sehingga mereka dengan sendirinya faham dan dapat mengamalkan sesuatu kemahiran dengan betul dan sempurna.

3.6 Calon adalah diakui lulus Perkara Asas Fardhu Ain apabila Berjaya memahami dan mengamalkan semua soalan yang ditetapkan.

4. Kementerian Pendidikan akan melaporkan pernyataan 'LULUS atau GAGAL perkara asas fardhu ain' dalam keputusan dan sijil peperiksaan. Pernyataan tersebut tidak mengubah atau memberikan kesan terhadap sttaus quo dalam system penggredan dan aggregat keputusan peperiksaan yang sedang berjalan sekarang.'.

5. Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain ini hendaklah dijalankan di sekolah-sekolah sebagaimana yang dinyatakan di atas dan Pekeliling ini hendaklah dimaklumkan kepada semua sekolah.

Sekian, terima kasih.

tt

Datuk Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia,

Kementerian Pendidikan Malaysia.

Surat pekeliling Ikhtisas Bil/17/02:

Semua Pengarah Pendidikan Negeri.

Y.Bhg, Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL.17/2002

PELAKSANAAN PENILAIAN

PERKARA ASAS FARDHU AIN (PAFA)

DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAN SEKOLAH MENENGAH.

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa penilaian PAFA yang sedang dilaksanakan di sekolah mengikut Surat pekeliling Ikhtisas Bil.4/94: Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.(SPM) bertarikh 12 Mac 1994 telah disemak semula. Penilaian PAFA Semakan ini akan dilaksanakan serentak dengan Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam KBSR/KBSM Semakan bermula sesi persekolahan 2003.

2. Bagi menyelaras pelaksanaan dan menentukan keberkesanan penilaian tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan tiga buah buku panduan berikut:

2.1.1Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) UPSR;

2.1.2 Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) UPSR,PMR/SPM; dan

2.1.3 Buku Panduan dan Rekod Pencapaian Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) PANDUAN GURU.

3. Setiap murid Islam dan Guru Pendidikan Islam harus memiliki buku berkaitan. Sekiranya murid berpindah ke sekolah lain mereka hendaklah membawa bersama buku tersebut dan menyerahkan kepada guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di kelasnya. Murid dan guru boleh membeli buku tersebut di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau cawangan-cawangannya. Setiap sekolah hendaklah memiliki sekurang-kurangnya satu set buku-buku tersebut sebagai rujukan.

4. Soalan yang akan ditanya semasa penilaian PAFA adalah tidak rahsia. Semua murid mesti lulus 100% kod-kod yang telah ditetapkan. Guru boleh menilai keupayaan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan pada bila-bila masa setelah murid bersedia. Guru bertanggungjawab membimbing secara berterusan dan memastikan mereka menguasai setiap kod yang ditentukan.

5. Surat pekeliling Ikhtisas ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat pekeliling Ikhtisas Bil.4/94: Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.(SPM) bertarikh 12 Mac 1994.

6. Sila maklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat pendidikan Bahagian/Daerah dan Pengetua serta Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima Kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

tt

DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.

(iii) Tiada sebarang skrip jawapan diperlukan dalam penilaian PAFA. PAFA merupakan penilaian yang dibuat sepanjang tahun dari hari pertama persekolahan sehingga sebulan sebelum peperiksaan pengajian agama Islam. Catatan tersebut dibuat di bawah bidang kuasa responden kedua.

(iv) Kegagalan pemohon adalah disebabkan keengganan pemohon untuk hadir kelas agama Islam dan enggan memberi peluang untuk dinilai dalam penilaian PAFA.

(v) Keputusan yang dibuat oleh responden kedua adalah di dalam bidang kuasa responden kedua dan ianya adalah di bawah bidang kuasa eksklusif responden kedua sebagai Ketua Pengarah Pendidikan.

(vi) Pembayaran yuran tidak terpakai untuk penilaian PAFA.

(vii) Isu sama ada ianya adalah adil untuk mahkamah mengkaji peraturan-peraturan mengenai peperiksaan (justiciable by the High Court).

A KEPUTUSAN

[5] Isu keutamaan yang harus diputuskan adalah, sama ada responden kedua dalam mengisukan catatan gagal bagi PAFA telah bertindak di luar bidang kuasa atau/dan tanpa bidang kuasa yang diperuntukkan kepada responden kedua.

B

[6] Hujahan oleh peguam pemohon bahawa pemohon tidak menerima bimbingan pihak sekolah bagi menyediakan pemohon menghadapi ujian pendidikan Islam adalah tidak berasas dan boleh dikatakan tidak benar. Adalah jelas dari keterangan yang ada di hadapan mahkamah ini bahawa pemohon sendiri yang memilih untuk C tidak diberi bimbingan tersebut. Ini dinyatakan dengan jelas melalui surat-surat yang diberikan kepada pihak sekolah serta perbincangan yang diadakan dan pengakuan oleh bapa pemohon sendiri di dalam afidavit di lampiran 3. Di dalam sesalinan surat yang dihantar oleh pemohon kepada pihak sekolah, bapa pemohon sendiri menyatakan hasratnya supaya pemohon dikecualikan daripada kelas pengajian agama Islam untuk 'untuk mengelakkan mereka dari tercicir matapelajaran lain, terutama D Bahasa Cina' (lampiran 12 HMY-1). Secara perbandingan (in comparison), sekiranya seorang pelajar tidak hadir ke kelas atau ponteng sekolah, maka tindakan yang biasa diambil oleh pihak sekolah adalah tindakan disiplin seperti menggantung persekolahan murid tersebut. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, pemohon telah atas kemahuannya sendiri memilih untuk tidak menghadiri kelas pengajian Islam E walaupun ianya merupakan subjek teras, maka pemohon harus bersedia untuk menerima akibat dan risiko di mana pemohon telah digagalkan dalam subjek tersebut. Risiko dan pemilihan yang dibuat oleh pemohon dan ibubapa pemohon bukan merupakan tanggungjawab responden kedua. Responden kedua tidak boleh memaksa pemohon untuk hadir ke kelas agama Islam di mana ianya adalah satu subjek teras di mana pemohon sendiri sedar bahawa ini adalah salah satu subjek teras F dan pemohon harus menghadiri kelas agama Islam. Juga diambil perhatian bahawa PAFA yang termasuk dalam sukatan subjek pengajian agama Islam, keputusan dibuat berdasarkan ke atas penilaian seseorang murid dan bukan melalui peperiksaan atau ujian dalam peperiksaan seperti yang diambil di dalam dewan peperiksaan.

G **[7]** Pemohon juga telah menyatakan di dalam afidavit di lampiran 3 bahawa sebab sebenar bapa pemohon mahu pemohon dikecualikan daripada menghadiri kelas pengajian agama Islam termasuk PAFA adalah kerana apa yang diajar di kelas pengajian agama Islam di sekolah adalah bertentangan dengan kepercayaan dan kefahaman beliau sekeluarga (rujuk perenggan 11 dan 12 lampiran 3 dan perenggan H 5 lampiran 15). Dinyatakan di sini bahawa di dalam afidavit pemohon, pemohon menyatakan perkara-perkara yang tidak disenangi berlaku sejak pemohon di darjah 1 lagi, tetapi apa yang menghairankan, pemohon masih meneruskan kelas pengajian agama Islam di sekolah lain ketika berada di darjah dua (2) dan tiga (3) tetapi meminta dikecualikan ketika berada di darjah empat (4) hingga darjah enam (6).

I **[8]** Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh mahkamah ini, pemohon telah mengkategorikan kelakuan atau cara pengajaran oleh kesemua uztaz dan ustazah di kesemua sekolah adalah sama, sedangkan pemohon telah belajar di tiga (3) buah sekolah yang berasingan dengan guru-guru yang berbeza. Oleh itu, kenyataan pemohon dan alasannya bahawa beliau tidak ingin menghadirkan diri ke kelas agama

Islam di darjah empat (4) hingga enam (6) tidak dapat diterima dan tidak berasas. Walau bagaimanapun, forum yang sesuai untuk pemohon membincangkan atau mengadu tentang apa yang tidak menyenangkan mereka tentang kelakuan pendidik atau tenaga pelajar di sekolah-sekolah tertentu harus dibawa kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab agar perkara itu dapat disiasat dan bukannya mengelak dari menghadiri kelas agama Islam di mana subjek itu adalah subjek teras.

[9] Mahkamah ini juga ingin menyatakan bahawa mahkamah ini tidak ingin masuk campur tentang sukatan subjek teras yang diajar di sekolah di mana pemohon terikat dengan bidang kuasa sekolah-sekolah tersebut dan pemohon harus mengikuti peraturan dan menghadiri kelas bagi subjek-subjek di mana ianya adalah matapelajaran dan subjek teras. Pemohon sendiri telah memilih untuk belajar di sekolah awam, maka pemohon harus bersedia untuk terikat dengan peraturan dan kurikulum yang dilaksanakan di sekolah tersebut. Di dalam kes *Meor Atiqulrahman bin Ishak (an infant, by his guardian ad litem, Syed Ahmad Johari bin Syed Mohd) & Ors v Fatimah bte Sihi & Ors* [2006] 4 MLJ 605, Mahkamah Persekutuan telah berkata seperti berikut (di ms 615):

> Our educationists, with their experience in dealing with students on the ground, should be given some respect and credit when they formulate some regulations applicable in their schools for the general good of all the students, the society and later the nation.
>
> Certainly, there was a place for everything. Furthermore, there was nothing to prevent them from changing school eg, to a 'pondok' school...

[10] Satu lagi perkara yang harus diberi pertimbangan adalah peruntukan di bawah s 18(2) yang memperuntukkan seperti berikut:

> 18. National Curriculum to be used by all schools.
>
> (1) The Minister shall prescribe a curriculum to be known as the National Curriculum which, subject to subsection (3), shall be used by all schools in the National Education System.
>
> (2) The National Curriculum prescribed under subsection (1) shall specify the knowledge, skills and values that are expected to be acquired to pupils at the end of their respective periods of schooling and shall *include the core subjects as set out in the Schedule* and such other subjects as may be prescribed.
>
> (3) In the case of private schools, subsection (1) shall be deemed to have been complied with if the core subjects of National Curriculum as set out in the Schedule are taught in the schools.
>
> (4) The Minister may from time to time by order published in the Gazette add to, amend or alter the Schedule.
>
> (Penekanan ditambah.)

[11] Mengikut Jadual di bawah s 18(2) Akta Pendidikan 1996, subjek teras (core subject) dalam kurikulum kebangsaan merupakan asas penting bagi pendidikan seseorang murid di semua sekolah di bawah sistem pembelajaran kebangsaan bagi murid-murid yang menganuti agama Islam dan salah satu subjek teras adalah pengajian agama Islam yang termasuk PAFA. Berdasarkan perkara tersebut,

mahkamah ini harus masuk campur tentang perkara yang melibatkan kurikulum kebangsaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Mahkamah ini berpendapat pemohon sebagai seorang pelajar yang mendaftar dengan sekolah awam terikat dengan sukatan matapelajaran, subjek teras dan dasar kurikulum nasional yang dilaksanakan di sekolah awam tersebut. Pemohon tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengatur (dictate) apakah matapelajaran atau subjek teras yang ingin dipelajari oleh beliau dan apakah matapelajaran atau subjek teras yang tidak ingin dipelajari oleh beliau. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan Peguam Kanan Persekutuan bagi responden-responden bahawa berdasarkan reg 3(2)(a) Education (National Curriculum) Regulations 1997, pengajian agama Islam yang termasuk PAFA merupakan subjek teras yang disenaraikan di bawah item (h) Schedule 1. Berdasarkan item tersebut, pengajian agama Islam yang teramsuk merupakan subjek teras yang wajib dipelajari oleh kesemua murid beragama Islam.

[12] Mahkamah ini juga tidak bersetuju dengan hujahan bagi pemohon bahawa catatan PAFA tersebut adalah di luar bidang kuasa responden kedua. Peguam bagi pemohon di dalam hujahannya telah menyatakan bahawa PAFA tidak termasuk dalam definasi 'kenyataan keputusan'(statement of result) kerana PAFA adalah suatu ujian berdasarkan penilaian dan bukannya berdasarkan skrip jawapan. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk diambil perhatian bahawa subjek PEKA seperti yang dicatatkan dalam kertas kenyataan pemohon, dipersetujui oleh peguam pemohon sendiri sebagai subjek yang berdasarkan penilaian dan tidak mempunyai sebarang skrip jawapan dan catatan ini telah juga dimasukkan dalam kertas kenyataan keputusan. Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa responden kedua tidak boleh dikatakan telah bertindak di luar bidang kuasa atau tanpa bidang kuasa. Walau bagaimanapun, dalam kes ini, pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan telah menyatakan dengan jelas bagaimana penilaian Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) dibuat ke atas murid yang beragama Islam.

[13] Mahkamah ini berpendapat bahawa isu tentang delegasi atau pekeliling tersebut adalah tidak sah tidak dapat diterima oleh mahkamah ini. Mahkamah ini berpendapat bahawa Ketua Pengarah Pendidikan di Kementerian Pendidikan adalah seorang pegawai yang penting dan bertanggungjawab bagi segala urusan dan cara sistem pendidikan dijalankan di sekolah-sekolah ter masuklah cara bagaimana sesuatu peperiksaan atau penilaian dibuat ke atas murid. Mahkamah ini berpendapat pekeliling-pekeliling tersebut tidak perlu menyatakan dengan jelas bahawa ianya ditandatangani untuk dan bagi pihak Menteri Pelajaran seperti yang dihujahkan oleh peguam yang bijaksana bagi pemohon. Tandatangan oleh Ketua Pengarah Pendidikan dalam kapasitinya sebagai seorang Ketua Pengarah adalah mencukupi dan sah bagi pekeliling-pekeliling tersebut.

[14] Mahkamah ini juga mendapati bahawa Menteri Pendidikan boleh memberi dari masa ke semasa arahan secara am (general character) kepada pegawai yang dilantik di Bahagian II di bawah Akta tersebut termasuk Ketua Pengarah Pendidikan untuk menjalankan kuasa dan menggunakan budi bicara bagi memberi kesan kepada polisi kebangsaan dan pegawai tersebut di beri kuasa untuk melaksanakan. Seksyen 8 Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan seperti berikut:

8. Powers of Minister to issue general directions.

The Minister may from time to time give an officer appointed under this Part directions of a general character, and not inconsistent with the provisions of this Act, as to the exercise of the powers and discretion conferred on the officer by, and the duties required to be discharged by the officer under, this Act and regulations made under this Act, in relation to all matters which appear to the Minister to affect the National Education Policy, and the officer shall give effect to every such direction.

Law and order in the classroom should be the responsibility of our respective education systems. The courts should not usurp this function and turn disciplinary problems... into adversary proceedings which they definitely are not. The rules regulations, procedures and practices disclosed on this record evince a high regard for the best interest and welfare of the child The courts would do well to recognize this. (Rujuk kes *Cosme lwn Board of Education* 270 NYS 2d 231 at 80 232 (1966)).

[15] Mahkamah ini juga berpendapat s 3(2) harus dibaca bersama dengan s 8 Akta tersebut. Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat isu bahawa tidak terdapatnya sebarang delegasi yang sah dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan adalah ultra vires kerana ditandatangani oleh Ketua Pengarah sendiri tanpa menyatakan sama ada ianya ditandatangani untuk dan bagi pihak Menteri adalah hujahan yang tidak berasas dan ianya tidak membawa apa-apa kecacatan kepada pekeliling-pekeliling tersebut. Di atas alasan ini sahaja, mahkamah ini berpendapat bahawa keputusan yang dikeluarkan oleh responden kedua adalah di dalam bidang kuasa responden kedua dan mengikut pekeliling-pekeliling tersebut dan mahkamah ini mendapati pekeliling tersebut adalah sah.

[16] Mahkamah ini berpendapat bahawa sebarang Akta harus dibaca dan diteliti secara keseluruhan dan bukan secara berasingan (isolation) atau sebahagian sahaja untuk mendapatkan maksud dan tafsiran yang boleh diberi oleh mahkamah ini kepada sebarang peruntukan di dalam Akta tersebut dan harus dibaca bersama-sama dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997. Di sini adalah penting untuk menyatakan salah satu fungsi Lembaga Peperiksaan adalah untuk menganalisa (analyse) penilaian yang dibuat oleh pihak sekolah (analysis on school based assessment). Perkara tersebut adalah jelas di bawah Bahagian II s 3(a) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997.

[17] Mahkamah ini juga berpendapat definasi keputusan peperiksaan dengan jelas menyatakan bahawa keputusan yang dibuat ke atas pencapaian seseorang murid adalah secara keseluruhan pencapaian murid dalam peperiksaan di mana kesimpulan dibuat dari skrip jawapan atau di atas sebahagian pencapaian murid di dalam peperiksaan. Ini bermakna keputusan peperiksaan tidak semestinya berdasarkan skrip jawapan semata-mata sahaja, ianya boleh juga di ambil dari penilaian ke atas seseorang murid termasuk pemohon sendiri seperti di dalam subjek PEKA yang dinyatakan terlebih dahulu. Dalam kes ini, keputusan peperiksaan pemohon seperti yang dieksbitkan di ekshibit MN-6 di Lampiran 3 juga tidak berdasarkan skrip jawapan semata-mata untuk PAFA. Ini boleh dilihat melalui nota yang menyatakan seperti berikut:

PEKA –PENCAPAIAN 2.

[18] Dalam kes ini, tidak ada sebarang peruntukan atau keterangan bahawa seorang murid atau calon perlu membayar yuran peperiksaan untuk PAFA secara berasingan. Isu bahawa pemohon tidak membayar yuran bagi PAFA adalah suatu perkara yang tidak relevan kerana pembayaran untuk ujian UPSR dibayar secara sekaligus dan ini dipersetujui dan disahkan oleh peguam pemohon sendiri dan Peguam Kanan Persekutuan bagi responden-responden.

[19] Di atas keseluruhan fakta dan setelah meneliti dan membaca hujahan bertulis dan lisan kedua-dua pihak bersama autoriti-autoriti dan berdasarkan kepada undang-undang yang berkaitan dengan kes ini, mahkamah ini berpendapat bahawa mahkamah ini tidak harus masuk campur terhadap keputusan yang dibuat oleh responden kedua di mana ianya telah mengikut peraturan dan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Oleh yang demikian, permohonan saman pemula oleh pemohon ditolak. Bagi kos, mahkamah ini berpendapat bahawa kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

Permohonan ditolak.

Reported by Sivapragasam Kumaran